

## **FKKSA, Petronas LDPE Kongsi Kepakaran Tangani Letupan Silo Dan Elektrostatik**



Kijal, 9 September- Pihak Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan kerjasama UMP Advanced Education (UAE) menganjurkan bengkel selama dua hari bagi berkongsi kepakaran berkenaan letupan silo dan elektrostatik bersama pihak Petronas Chemical (LDPE) Sdn Berhad di World Resort Hotel Kijal baru-baru ini.

Bengkel ini dihadiri seramai 19 orang pengurusan tertinggi termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dari Petronas Chemical (LDPE) Sdn Berhad, Hj. Hamdan Badli.

Menurut Pensyarah UMP merangkap pengangur program, Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman berkata, bengkel ini dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Proses. "Menerusi bengkel ini juga peserta dapat maklumat yang lebih jelas berkenaan pengenalan, punca-punca letupan dan cara mengatasinya yang sering berlaku di industri petrokimia. Selain itu juga, peserta turut mendapat gambaran yang jelas tentang punca kejadian dari segi teorinya seterusnya dapat memberikan maklumat yang jelas kepada pihak berwajib," katanya.

Pada asalnya pihak Petronas Chemical (LDPE) Sdn Berhad yang mencadangkan agar perlaksanaan bengkel ini bagi mendapatkan maklumat secara teori dan teknikal daripada pakar di UMP susulan susulan kejadian yang berlaku pada 24 Jun lalu apabila salah satu unit silo di plant PCLDPE telah terbakar serta meletup seterusnya mengakibatkan keseluruhan proses dihentikan.



Justeru katanya, menerusi bengkel ini diharapkan pakar-pakar dapat mengulas mengenai kejadian tersebut. Selain beliau, pengurusan bengkel juga melibatkan penceramah dari FKKSA iaitu Prof. Dato' Ir Dr Badhrulhisham Abd Aziz, Prof. Dr Zulkepli Yaacob, dan Dr Siti Zubaidah Sulaiman. Lain-lain adalah Dr. Amir Izzani Mohamad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) UMP dan Dr Siti Ilyani Rani dari Kolej Universiti Terengganu Advanced Technical Institute (TATI), Terengganu.

Tambahnya lagi, pengenalan kepada modeling letupan yang disebabkan oleh partikel sangat membantu industri seperti PCLDPE merancang dan merekabentuk sistem di industri tanpa menganggu keseluruhan operasi di plant.

Selain itu, hasil kajian ijazah kedoktoran (PhD) oleh Dr Siti Ilyani Rani ini juga turut membantu PCLDPE dan diaplikasikan bagi mereka bentuk unit-unit operasi dan meminimumkan kejadian letupan hasil daripada partikel (habuk) di industri.

Begitu juga dengan modul-modul yang disampaikan adalah berdasarkan kepada permintaan industri dan bagi membolehkan peserta memahami antaranya berkenaan analisis dan kajian kes, klasifikasi gangguan (hazard), statistik, pengujian dan memahami peraturan dan penggunaan peralatan.



Dengan bantuan kepakaran yang ada di universiti terdapat lebih banyak lagi industri petrokimia yang berhampiran dapat bekerjasama dengan universiti di dalam membantu industri menyelesaikan masalah-masalah terutamanya yang melibatkan proses dan keselamatan.

Selain itu juga, ianya merupakan KPI fakulti dalam memberikan khidmat masyarakat kepada industri melalui kepakaran yang ada di universiti dan memberikan pendedahan kepada staf akademik untuk berinteraksi bersama warga industri.

Bagi Hj Hamdan Badli beliau amat berterima kasih dengan pihak UMP yang sudi berkongsi ilmu dan kepakaran dalam bidang ini untuk dimanfaatkan oleh peserta di tempat kerja nanti. Beliau mengharapkan kesinambungan daripada bengkel ini pakar-pakar UMP dapat membantu dalam menjalankan verifikasi terhadap plant di PCLDPE dan bersama-sama dalam mereka bentuk plant dan sebagainya.

**Berita dan gambar disediakan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, pensyarah FKSA**